



JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK
(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)
TINGKAT 9, 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA, 93502 KUCHING
SARAWAK

Talian Am: 082-319599/312630
No. Faks: 082-447414
Laman Web: <http://www.shru.sarawak.gov.my>



SULIT

PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 3 TAHUN 2018

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan
Sarawak

KEPADА: Semua Ketua Jabatan Negeri /
Persekutuan
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Residen
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Setiausaha Majlis Bandaraya /
Perbandaran / Daerah

SALINAN
KEPADА:

**PERKARA: CADANGAN PENCALONAN BAGI KURNIAAN DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN 2018**

RUJUKAN: 1/JKM/SHRU/TM/S/500-5 **TARIKH:** 31 Januari 2018
/2018/JLD.1

1. PENGUMUMAN PENCALONAN

- 1.1 Sempena Hari Ulangtahun TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada **13 Oktober 2018**, Tuan Yang Terutama akan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Sarawak kepada mereka yang telah berjasa dan telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Negeri dan Negara.
- 1.2 Cadangan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Sarawak hendaklah diedarkan kepada semua pegawai dan orang perseorangan bagi semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan / semua Setiausaha Tetap / semua Residen / Badan Berkanun Negeri / Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan. (Bagi pencalonan anak-anak Syarikat di bawah Badan Berkanun, pencalonan mereka hendaklah melalui Badan Berkanun tersebut.)

2. Pencalonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang-borang khas mengikut kategori pencalonan seperti berikut:-

| Kategori | Borang |
|--|----------------------------------|
| Perkhidmatan Awam Negeri & Persekutuan (termasuk juga Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum) | A (Biru Muda) |
| Perkhidmatan Badan Berkanun Negeri(termasuk kumpulan GLC) & Pihak Berkuasa Tempatan | B (Ungu Muda) |
| Swasta / Persatuan / Sukarela / Sukan | C (Hijau Muda) |
| Warganegara Asing | D (Kuning Muda) |

3. Sehubungan itu, **Buku Panduan** serta **Borang Pencalonan A, B, C dan D** boleh dimuat turun melalui laman sesawang www.sarawaknet.gov.my (untuk jabatan/agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri) dan www.shru.sarawak.gov.my (untuk jabatan/agensi Persekutuan, Badan Berkanun, Swasta, NGO dan sebagainya). Ketua-Ketua Jabatan/Kementerian dan Agensi adalah diminta memberi kerjasama untuk mematuhi sepenuhnya peraturan yang dijelaskan bagi memudahkan urusan memproses pencalonan oleh Urus Setia ini.

4. Setiap cadangan pencalonan dari Kementerian/Jabatan/Agensi/Persatuan hendaklah disertakan dengan surat rasmi dari Ketua Jabatan/Agensi/Persatuan dan senarai nama calon mengikut keutamaan pingat yang dicalonkan.

5. Tarikh tutup pencalonan ialah pada hari **Isnin, 30 April 2018**. Semua borang pencalonan yang dihantar hendaklah bersampul surat yang ditandakan/dicop **SULIT** ke alamat dibawah:-

Setiausaha Kerajaan Negeri
Unit Sumber Manusia Negeri
Tingkat 10 Wisma Bapa Malaysia
Petra Jaya, 93502
Kuching, Sarawak
(u.p. Urus Setia Anugerah Kebesaran Negeri)

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”
“AN HONOUR TO SERVE”



(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak